

05 SEP 1998

RINGGIT-SOKONGAN/I

LEBIH BANYAK SOKONGAN BAGI PENGAWALAN PERTUKARAN ASING M'SIA

Oleh: S.Durga Varma

TAIPEH, 5 Sept (Bernama) -- Sejumlah besar ketua-ketua perniagaan yang menghadiri Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Ketiga di sini menyokong langkah-langkah radikal yang diambil oleh Malaysia untuk mengawal pergolakan matawang dan tidak menjangkakan langkah-langkah seumpama itu memberi kesan negatif terhadap pelaburan asing.

Mereka menyatakan sudah sampai masanya bagi seseorang untuk mengambil langkah berani bagi mengekang spekulator matawang yang menghancurkan banyak ekonomi di rantau ini dan ramai yang menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "seorang yang mempunyai lebih banyak kebolehan meramal daripada orang lain."

Turut bersetuju dengan pandangan itu adalah pengerusi dan pengarah urusan Hopewell Holdings Ltd yang berpangkalan di Hong Kong, Sir Gordon Y.S.Wu yang merasakan Malaysia perlu melakukan apa yang patut untuk melindungi kestabilan ringgit.

Sambil menyatakan terdapat banyak peraturan bagi dagangan perkhidmatan komoditi dan malahan anti-lambakan yang selaras dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), tetapi tiada satupun peraturan dibentuk bagi dagangan matawang.

"Ia tidak adil," tambahnya sambil menekankan bahawa perdagangan bebas tidak bermakna perdagangan tidak dikawal selia dan memberi kebebasan bagi pedagang-pedagang matawang.

Wu, di mana syarikatnya adalah satu daripada syarikat prasarana terbesar di Hong Kong, adalah wakil ABAC dari Hong Kong ke mesyuarat empat hari itu yang berakhir esok.

Beliau berkata, malahan ekonomi Hong Kong yang disokong oleh rizab sebanyak AS\$97.5 bilion (AS\$1=RM3.8) dengan baki kosong bagi masalah perdagangan turut diserang oleh spekulator matawang.

"Apa yang patut kita anjurkan adalah dengan meneruskan perdagangan bebas dan terbuka, tetapi bukan perdagangan yang tidak dikawal selia. Sepatutnya terdapat beberapa peraturan bagi kawal selia perdagangan matawang.

"Pemimpin-pemimpin mestilah mencari jalan untuk membentuk peraturan seumpama itu," katanya.

Dr P.K. Chiang, pengerusi Majlis bagi Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (CEPD) berkata menetapkan ringgit pada paras 3.8 berbanding satu dolar Amerika akan memberi manfaat kepada kedua-dua pengeksport dan pengimport Taiwan tetapi beliau melahirkan kebimbangan ahli perniagaan Taiwan tidak mengetahui bagaimana untuk membawa pulang dana atau simpanan mereka keluar daripada Malaysia.

Beliau menambah bank-bank tempatan telah menghentikan semua dagangan ringgit sebagai tindak balas kepada keputusan Dr Mahathir untuk melarang semua dagangan ringgit luar negara tetapi kesannya tidak begitu serius memandangkan kepada jumlah dagangan rendah ringgit yang dipegang oleh penduduk Taiwan.

Chiang, yang juga Menteri Negeri Taiwan berkata beliau tidak mendapat maklumat sepenuhnya mengenai pengawalan pertukaran asing Malaysia sambil menambah beberapa bentuk jaminan mestilah diberikan kepada pelabur-pelabur asing di Malaysia agar tidak menjejaskan pelaburan sedia ada dan masa hadapan mereka.

"Majlis mempunyai sebuah pejabat di Kuala Lumpur dan kami telah meminta untuk mengadakan mesyuarat dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri Datuk Seri Rafidah Aziz bagi mendapatkan penjelasan mengenai kebimbangan ahli perniagaan Taiwan berhubung pelaburan mereka di Malaysia," tambahnya.

Chiang juga menyatakan Taipei akan meneruskan usaha untuk menubuhkan Southeast Asia Investment Co. pada Oktober ini bagi menggalakkan pelaburan swasta di rantau ini dan Malaysia dan Thailand akan menjadi penerima utama daripada pelaburan syarikat itu.

Pembentukan syarikat itu adalah inisiatif kerajaan tetapi dibiayai oleh sektor perbankan Taiwan yang akan melabur dalam pelbagai sektor dalam ekonomi-ekonomi Asia Tenggara.

"Langkah-langkah itu dibentuk untuk membawa kesan kukuh dan segera dalam membantu pemulihan ekonomi negara-negara yang dilanda krisis itu. Kami bersedia untuk menyertai dengan aktif dalam pelbagai program yang bertujuan untuk menyelesaikan krisis kewangan Asia, terutama dalam melaksanakan sekuriti yang disokong aset menerusi konsep Collateralised Bond Obligation (CBO).

"Untuk menggerakkan idea dengan menggunakan CBO, kerajaan Malaysia memberi kuasa kepada Morgan Stanley dan Dean Witter and Co. untuk menyediakan nasihat mengenai langkah pertama ke arah perancangan bagi bon itu dan malahan mempelawa wakil ekonomi serantau untuk bertemu di Kuala Lumpur pada Julai ini bagi mengadakan perbincangan," tambahnya.

Beliau juga mendedahkan bahawa mereka sedang cuba mendapatkan jaminan Bank Pembangunan Asia untuk menerbitkan bon-bon itu.

Sementara itu, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Bursa Saham Filipina Jose Luis Yulo berkata terdapat perbezaan antara dagangan barangan dan dagangan wang.

"Apabila kita meniadakan barangan, kita mestilah mengikuti peraturan tertentu seperti peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia, peraturan perbankan, tetapi apabila atiba kepada dagangan mata wang kita tidak mempunyai peraturan bagi permainan itu."

"Terdapat jurang perbezaan yang mesti ditangani. Dunia mesti membentuk peraturan dagangan matawang," tambahnya.

Apa yang dilakukan oleh Malaysia ketika ini mestilah difahami sepenuhnya oleh media antarabangsa kerana tindakan itu adalah semata-mata bertujuan menghalang ekonomi daripada serangan luar.

-- BERNAMA

DVS ZK MA